

**KENYATAAN AKHBAR**  
**OLEH KETUA AUDIT NEGARA**  
**BERKENAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI**  
**KERAJAAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN**  
**KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI TAHUN 2013 SIRI 2**

1. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2012 dibentangkan secara bersiri sebanyak 3 kali. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 juga dibentang 3 kali setahun.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2013 Siri 2 akan dibentangkan di Parlimen pada 16 Jun 2014 ( Isnin ) selepas mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
3. Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlakunya pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Bagi pengauditan Syarikat Kerajaan pula, Jabatan Audit Negara membuat penilaian terhadap aspek analisis penyata kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat.
4. Dalam Laporan Siri 2 ini, sebanyak 57 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, program peningkatan sosioekonomi, infrastruktur dan pengurusan syarikat.
5. Bagi membantu tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi berkenaan/ Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 55 syor kepada Kerajaan Persekutuan, 31 syor kepada Badan Berkanun Persekutuan dan 144 syor kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan yang dilaporkan yang kebanyakannya bersabit dengan kecekapan dan akuran penjawat awam kepada peraturan kewangan Kerajaan.

6. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.
7. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2013 Siri 2 serta sinopsisnya boleh dilayari dalam Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 16 Jun 2014. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 serta Laporan Maklum Balas oleh Kementerian Kewangan Malaysia turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di *Coffee Room* Dewan Negara, Aras 1, Bangunan Utama, Parlimen Malaysia. Laporan-laporan ini hendaklah dibaca bersama untuk mendapatkan kedudukan terkini isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

15 Jun 2014